



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 10.00 pagi, 6 Ogos 2026

Untuk Terbitan Media
6 Ogos 2026

SIARAN MEDIA

TUNTUTAN LINDUNG 24 JAM MELONJAK LEBIH 3 KALI GANDA PADA JULAI, BAYARAN FAEDAH MENCECAH RM3.45 JUTA

KUALA LUMPUR: Lonjakan kes tuntutan faedah LINDUNG 24 Jam menjangkau lebih tiga kali ganda membuktikan pelaksanaan skim ini adalah langkah tepat ke arah perluasan perlindungan di luar waktu bekerja.

Mengikut perangkaan semasa, jumlah permohonan faedah menerusi LINDUNG 24 Jam yang direkodkan pada Julai lalu ialah 2,135 kes, berbanding 616 kes pada bulan sebelumnya.

Bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Julai, PERKESO sudah meluluskan penyaluran faedah melibatkan lebih 90 peratus kes tuntutan dalam tempoh keseluruhan proses yang mengambil masa kurang daripada lima hari, dengan jumlah keseluruhan bayaran mencecah RM3.45 juta kepada 2,508 penerima.

“Faedah yang dibayar kepada penerima merangkumi Bayaran Ganti Belanja (BGB) Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Pengurusan Mayat (FPM), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Alatan Pemulihan dan Implan serta lain-lain.

“Alatan pemulihan dan implan merekodkan bayaran faedah tertinggi, lebih RM2.5 juta yang bertujuan meringankan beban perubatan pencarum selain memastikan pembedahan implan dapat dilaksanakan pada kadar segera.

“Selain itu, bayaran lebih RM842,564 disalurkan melalui FHUS sebagai gantian pendapatan bagi menjamin kelangsungan hidup pencarum dan ahli keluarga, sepanjang berada dalam tempoh cuti sakit,” menurut kenyataan dikeluarkan PERKESO.

Untuk rekod bagi tempoh 1 Jun hingga 31 Julai 2026, sebanyak 2,751 kes tuntutan dikemukakan kepada PERKESO menerusi skim LINDUNG 24 jam, dengan purata 45 kes sehari.

Secara kumulatif, jumlah bayaran faedah untuk dua bulan pertama pelaksanaan LINDUNG 24 jam mencecah RM4.69 juta, termasuk kira-kira RM3.69 juta bagi kos alat pemulihan dan implan serta lebih RM909,800 bagi FHUS.

Ini tidak termasuk bayaran faedah jangka panjang yang disalurkan PERKESO kepada waris keluarga, menjangkau nilai keseluruhan lebih RM2 juta.

Perangkaan ini sekali gus mencerminkan hakikat sebenar bahawa apabila perlindungan diperluas, lebih ramai pekerja berupaya mendapatkan bantuan sewajarnya demi kelangsungan hidup, berbanding berdepan pelbagai risiko termasuk dari segi aspek kewangan sehingga menyaksikan segelintir pencarum terpaksa menggunakan simpanan peribadi.

Meskipun LINDUNG 24 Jam kini bersifat sukarela untuk pekerja tempatan, PERKESO menyuarakan harapan agar pencarum mengekalkan jaringan perlindungan asas ini, berikutan peningkatan kadar kes kemalangan di luar waktu kerja yang semakin membimbangkan.

“Peningkatan ketara tuntutan faedah LINDUNG 24 Jam membuktikan keperluan perlindungan sosial yang menyeluruh kepada pekerja tanpa mengira masa atau lokasi kemalangan.

“Skim ini diwujudkan bagi memastikan pencarum dan keluarga tidak berdepan beban kewangan bersendirian ketika ditimpa musibah, selain menjamin akses sokongan pemulihan sewajarnya untuk kembali bekerja seperti sedia kala.

“PERKESO akan terus memperkukuh penyampaian perkhidmatan dengan memastikan tuntutan diproses secara pantas dan bantuan disalurkan secepat mungkin,” menurut kenyataan sama.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai LINDUNG PEKERJA, Akta 800 sebagai LINDUNG KERJAYA, Akta 789 (SKSPS) sebagai LINDUNG KENDIRI, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai LINDUNG KASIH. Sementara itu, bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan yang memberi perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

6 Ogos 2026